



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

PERINTAH TETAP KETUA PENGARAH BILANGAN 6 TAHUN 2024

PERATURAN PEMAKAIAN REBEN PERKHIDMATAN DAN REBEN PINGAT PERKHIDMATAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

1. TUJUAN

- 1.1. Tujuan Perintah Tetap ini adalah untuk menggariskan panduan berkenaan jenis dan tatacara pemakaian Reben Perkhidmatan dan Reben Pingat Perkhidmatan Bomba, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) agar pemakaiannya seragam, teratur dan mengikut etika yang ditetapkan.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1. Reben Perkhidmatan direka bentuk dan di pakai bertujuan untuk mempamerkan penandaan atau lambang pengiktirafan kepada sumbangan, tempoh perkhidmatan, kekananan, keberanian dan

pertauliahan kepakaran pegawai dalam perkhidmatan badan beruniform.

2.2. Justeru itu, penggunaan dan pemakaian Reben Perkhidmatan juga dipraktikkan bagi mempertingkatkan lagi keterampilan, kesegakan dan etika Pegawai Bomba seperti yang diperuntukkan dalam Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

2.3. Pemakaian Reben Perkhidmatan JBPM telah mula diperkenalkan pada tahun 1998 melalui Perintah seperti berikut:

2.3.1. Perintah Tetap Bilangan 1 Tahun 1998 (Pengurusan) Reben Perkhidmatan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia; dan

2.3.2. Arahan Jabatan Bilangan 1 Tahun 2012: Pemakaian Pakaian Seragam, Tanda Pangkat dan Kad Pengenal Pegawai Bomba.

3. PUNCA KUASA

3.1 Seksyen 7A Akta Perkhidmatan Bomba 1988; "Ketua Pengarah boleh menentukan perkara yang berhubungan dengan pengurniaan pingat atau pangkat kehormat kepada mana-mana orang yang difikirkannya sesuai";

3.2 Seksyen 6 (1) Akta Perkhidmatan Bomba 1988; "Tiap-tiap Pegawai Bomba dan Pegawai Bomba Bantuan hendaklah

dibekalkan dengan pakaian seragam dan tanda pangkat sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri”;

3.3 Peraturan-peraturan Perkhidmatan Bomba (Tatasusila Pegawai Bomba) 2003; dan

3.4 Perkara 6.1 Pekeliling Perbendaharaan WP 2.3; “Kementerian/ Jabatan/Agensi boleh menyediakan kelengkapan lain berkaitan dengan pakaian seragam pegawai mengikut prosedur perolehan yang berkuat kuasa”.

4. JENIS-JENIS REBEN PERKHIDMATAN DAN PINGAT JBPM

4.1. Jenis-jenis reben adalah seperti berikut;

4.1.1. Reben Perkhidmatan

4.1.1.1. Reben Perkhidmatan adalah merupakan lambang kepada tempoh perkhidmatan seseorang Pegawai Bomba dalam JBPM (Perkara 5.2); dan

4.1.1.2. Susunan dan reka bentuk Reben Perkhidmatan adalah seperti berikut:


BIL	JENIS REBEN	KELAYAKAN	CATITAN
i.	Reben Sah Jawatan 	Selepas Sah dalam jawatan	Surat Pengesahan Jawatan diterima

ii.	Reben 10 Tahun 	Genap 10 tahun ke atas dan kurang daripada 20 tahun	Disahkan oleh Pengarah Bahagian/ Pengarah Bomba Negeri/ Komandan/ Komander Pangkalan Udara/ Ketua Unit
iii.	Reben 20 Tahun 	Genap 20 tahun ke atas dan kurang daripada 30 tahun	
iv.	Reben 30 Tahun 	Genap 30 tahun dan ke atas	


4.1.2. Reben Pingat Perkhidmatan Bomba

4.1.2.1. Reben Pingat Perkhidmatan Bomba adalah merupakan satu tanda ganti kepada pingat yang dikurniakan semasa memakai pakaian seragam Nombor 2, Nombor 3, Nombor 3A dan Nombor 8; dan

4.1.2.2. Susunan serta reka bentuk reben adalah seperti berikut:

BIL	JENIS REBEN	KELAYAKAN	CATITAN
i.	Reben Bintang Jasa Terbilang Bomba 	Penerima Bintang Jasa Terbilang Bomba	Disahkan oleh Pengarah Bahagian/ Pengarah Bomba Negeri/ Komandan/ Komander Pangkalan Udara/ Ketua Unit
ii.	Reben Bintang Jasa Bomba 	Penerima Bintang Jasa Bomba	
iii.	Reben Bintang Wira Merah 	Penerima Bintang Wira Merah	

BIL	JENIS REBEN	KELAYAKAN	CATITAN
iv.	Reben Pingat Jasa Terbilang Bomba 	Penerima Pingat Jasa Terbilang Bomba	Disahkan oleh Pengarah Bahagian/ Pengarah Bomba Negeri/ Komandan/ Komander Pangkalan Udara/ Ketua Unit
v.	Reben Pingat Jasa Bomba 	Penerima Pingat Jasa Bomba	
vi.	Reben Pingat Setia Bomba 	Penerima Pingat Setia Bomba	
vii.	Reben Pingat Cemerlang Bomba 	Penerima Pingat Cemerlang Bomba	

viii.	Reben Pingat Bakti Bomba 	Penerima Pingat Bakti Bomba (Jika ada)	
-------	--	---	--

5. SYARAT – SYARAT PEMAKAIAN

- 5.1. Setiap Pegawai Bomba dan Pegawai Bomba Bantuan yang sedang berkhidmat adalah layak memakai Reben Perkhidmatan JBPM dan Reben Pingat Perkhidmatan Bomba yang dianugerahkan.
- 5.2. Pengiraan tempoh perkhidmatan bagi reben perkhidmatan mestilah mengambil kira cuti tanpa gaji dan cuti yang memberi kesan tempoh perkhidmatan pegawai bomba. Tempoh pengiraan ini adalah diambil kira mulai dari tarikh pegawai dilantik dalam perkhidmatan.
- 5.3. Bagi mana-mana pegawai bomba yang bertugas di mana-mana organisasi kebombaan dan agensi-agensi lain berkaitan, dibenarkan untuk memakai Reben Perkhidmatan Bomba tertakluk kepada arahan pakaian seragam yang di guna pakai oleh agensi berkenaan.

- 5.4. Mana-mana Pegawai Bomba Kehormat, Pegawai Bomba Bantuan Kor Siswa, Briged Bomba dan Kadet Bomba layak memakai Reben Perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah. Tempoh pengiraan bermula dari tarikh lantikan pegawai berkenaan.

6. TATACARA PEMAKAIAN

- 6.1. Reben Perkhidmatan JBPM hendaklah di pakai bersama Pakaian Nombor 2, Pakaian Nombor 3, Pakaian Nombor 3A dan Pakaian Nombor 8 dan hendaklah di pakai di bahagian atas poket sebelah kiri pakaian.
- 6.2. Susunan Reben Perkhidmatan hendaklah tidak mendahului mana-mana reben pingat yang dianugerahkan atau diterima oleh seseorang pegawai.
- 6.3. Kedudukan Reben Perkhidmatan hendaklah berada di barisan paling bawah dan paling kiri pemakai mengikut turutan kekananan seperti di **LAMPIRAN A**.
- 6.4. Reben Perkhidmatan atau mana-mana Reben Peringatan yang diterima semasa seseorang pegawai tersebut bertugas di jabatan lain adalah tidak dibenarkan. Hanya pingat yang dikurniakan atas nama individu dibenarkan untuk di pakai bersama Reben Perkhidmatan Bomba.

- 6.5. Mana-mana pegawai dilarang memakai Reben Perkhidmatan dan Reben Pingat yang tidak setara dengan tempoh perkhidmatan pegawai dan syarat-syarat sesuatu pingat tersebut atau memakai reben tanpa kelulusan.

7. PEMBEKALAN DAN KAEDAH PEROLEHAN REBEN PERKHIDMATAN DAN REBEN PINGAT


- 7.1. Reben Perkhidmatan dan Reben Pingat Perkhidmatan Bomba adalah dibekalkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia kepada setiap pegawai yang layak mengikut keperluan semasa.
- 7.2. Penerima Pingat Perkhidmatan Bomba dan Reben Perkhidmatan atau mana-mana reben yang dibenarkan boleh membuat permohonan kepada ketua jabatan bagi perkhidmatan menyediakan reben hanya untuk pertama kali atau perkhidmatan mencantumkan reben. Permohonan perkhidmatan ini tertakluk kepada **sekali bagi setiap penerima dan juga jika ada penambahan reben baharu.**
- 7.3. Pengarah Bomba Negeri, Komander Pangkalan Udara dan Komandan boleh membuat perolehan secara pesanan tempatan mengikut kaedah perolehan berkuat kuasa berdasarkan Perkara 6, Pekeliling WP 2.3 Peraturan Bekalan Pakaian Seragam Serta Kemudahan dan Kadar Bekalan Kasut Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam pindaan 1 Julai 2023.

8. TARIKH KUAT KUASA

- 8.1. Perintah Tetap Ketua Pengarah Bilangan 6 Tahun 2024 berkuat kuasa mulai pada tarikh PTKP ditandatangani.
- 8.2. Perintah Tetap Bil. 1 Tahun 1998 (Pengurusan) Riben Perkhidmatan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia serta mana-mana arahan berkaitan adalah terbatal.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATO' Ts. NOR HISHAM BIN MOHAMMAD)
Ketua Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

Tarikh : 25.4.2024

LAMPIRAN A

1. Susunan Kekananan Reben

BIL	REBEN	NAMA REBEN	BIL	REBEN	NAMA REBEN
1.		Ahli Mangku Negara	11.		Pingat Bakti Bomba
2.		Pingat Perkhidmatan Setia	12.		Pingat Khidmat Jogjakarta (2006)
3.		Pingat Perkhidmatan Am	13.		Pingat Khidmat LEYTE (2006)
4.		Bintang Jasa Terbilang Bomba	14.		Pingat Khidmat RIAU (2005)
5.		Bintang Jasa Bomba	15.		Pingat Khidmat ACHEH (2004)
6.		Bintang Wira Merah	16.		Pingat Khidmat Indonesia (1997)
7.		Pingat Jasa Terbilang Bomba	17.		Reben Perkhidmatan 30 Tahun
8.		Pingat Jasa Bomba	18.		Reben Perkhidmatan 20 Tahun
9.		Pingat Setia Bomba	19.		Reben Perkhidmatan 10 Tahun
10.		Pingat Cemerlang Bomba	20.		Reben Perkhidmatan Sah Jawatan

2. Contoh Susunan Pemakaian Reben Mengikut Kekananan

